



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000

Website : www.mcmc.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

Untuk Siaran Segera

IKLAN PEMBERSIH HAMPAGAS: MCMC AKAN PANGGIL INDIVIDU-INDIVIDU TERBABIT BERI KETERANGAN

CYBERJAYA, 13 Februari 2015 --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dalam proses memanggil individu-individu terlibat dalam penyebaran iklan syarikat penjual mesin pembersih hampagas yang menghina rakyat Indonesia baru-baru ini untuk tampil memberikan keterangan.

Pengerusi MCMC, Dato' Sri Dr. Halim Shafie berkata, tindakan siasatan terhadap individu-individu yang menyebarkan iklan berkenaan dalam media sosial sudah dimulakan dan pihaknya kini giat menjejaki mereka yang bertanggungjawab.

"Kami juga meminta orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai mereka yang bertanggungjawab menyebarkan iklan mengaibkan itu supaya melaporkan kepada kami bagi membantu siasatan," tambahnya.

Dr. Halim juga memperingatkan orang ramai supaya tidak menyebarkan sebarang bentuk bahan berbau penghinaan dan mengaibkan kerana ia dikhuatiri boleh mengeruhkan hubungan dan mencetuskan kejadian yang tidak diingini.

TAMAT

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari www.mcmc.gov.my dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi: Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007 E-mel: ccd@cmc.gov.my